

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
(PARIT)**

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah kaedah terbaik yang akan digunapakai oleh Kementerian bagi memastikan insiden pencerobohan ruang udara oleh tentera China tidak berulang;
- (b) adakah langkah jangka masa panjang yang akan dilaksanakan bagi memastikan keamanan serta kestabilan di Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai pencerobohan pesawat udara Tentera Republik Rakyat China di kawasan Malaysia baru-baru ini dan kaedah terbaik yang digunakan untuk mengelakkan perkara ini tidak berulang, ingin dimaklumkan bahawa melalui Operasi Curiga, ruang udara nasional sentiasa dipantau oleh sistem radar pertahanan udara jarak jauh TUDM. Pada masa yang sama, TUDM turut meletakkan pesawat Hawk 208 daripada No. 6 Skuadron di Pangkalan Udara Labuan dalam keadaan siap sedia sepanjang masa.

Contoh terbaik pelaksanaan operasi curiga TUDM adalah semasa kejadian penerbangan mencurigakan oleh pesawat tentera udara Republik Rakyat China pada baru-baru ini. Melalui Operasi Curiga ini, pesawat Ilyushin Il-76 dan pesawat Xian Y-20 telah dikenalpasti melalui identifikasi visual oleh TUDM.

Insiden ini merupakan perkara yang serius terhadap ancaman kedaulatan negara dan keselamatan penerbangan berdasarkan kepadatan trafik udara di dalam laluan penerbangan (airways) di dalam Kota Kinabalu Flight Information Region (KK FIR). Insiden ini telah dikendalikan oleh TUDM khasnya dan ATM amnya berlandaskan undang-undang dan peraturan penerbangan antarabangsa International Civil Aviation Organization (ICAO) serta Strategi Pertahanan Udara Nasional (SPUN).

Semasa insiden ini berlaku, saya selaku Menteri Luar Negeri telah mengarahkan Wisma Putra untuk mengeluarkan nota bantahan diplomatik kepada Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) dan juga memanggil dengan izin "*summon*" Duta Besar RRC ke Malaysia bagi memberikan penjelasan mengenai insiden tersebut. Pada masa itu, saya juga telah menyampaikan kegusaran serius Malaysia mengenai perkara ini kepada rakan sejawat saya sewaktu di China.

Pendirian Malaysia sangat jelas iaitu mempunyai hubungan diplomatik yang mesra dengan mana-mana negara tidak sesekali bermaksud kita akan kompromi kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan kestabilan di Laut China Selatan, Kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan negara dalam setiap tindakan yang diambil. Semua agensi keselamatan di negara ini termasuklah TUDM dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan hak kedaulatan Malaysia di Laut China Selatan kekal terpelihara. Pada masa yang sama, Malaysia sentiasa menekankan agar semua pihak menghormati dan mematuhi undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau UNCLOS 1982.

Ini termasuklah menghormati kedaulatan wilayah dan perairan dan juga kebebasan pelayaran dan penerbangan. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Kesemua pihak harus memastikan keamanan dan kestabilan di kawasan tersebut dan mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan yang sekaligus akan menggugat keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]
TARIKH : 6 OKTOBER 2021

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar pemberian vaksin di Sabah terutama kepada rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman selain daripada pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera memandangkan kadar pendaftaran melalui aplikasi tersebut dan kadar vaksinasi adalah paling rendah di Malaysia.

JAWAPAN

Sehingga 5 Oktober 2021, pelaksanaan vaksinasi di Sabah mencapai 72.7% populasi dewasa menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin manakala 62.7% populasi dewasa telah lengkap dos vaksin.

Dari segi agihan bekalan vaksin bulan Ogos, Sabah telah dibekalkan vaksin sebanyak 1.80 juta dos vaksin. Untuk agihan bekalan vaksin bagi bulan September pula, negeri Sabah masih adalah keutamaan dengan jumlah agihan vaksin bagi bulan September adalah sebanyak 2.59 juta dos dengan sejumlah 299,000 dos vaksin jenis Cansino (jumlah agihan

NO. SOALAN : 18

bulan Ogos hingga 1 Oktober 2021) telah diagihkan sebagai strategi vaksinasi penduduk luar bandar atau pedalaman termasuk bukan warganegara seperti PATI, pelarian UNHCR dan golongan tanpa negara di Sabah.

Peratus penggunaan vaksin di negeri Sabah bagi bulan September ialah 77.8% (data 26 September 2021: bekalan vaksin = 4,880,476; jumlah vaksinasi = 3,796,023; baki = 1,084,453). Bagi meningkatkan kadar penggunaan vaksin Sabah, beberapa program *home-to-home*, *outreach* atau capaian komuniti telah dilaksanakan bagi membantu inisiatif Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Sebanyak 51 buah pasukan telah digerakkan secara jangkauan luar ke setiap daerah di Sabah. Sehingga pada 30 September 2021, program jangkauan luar di Sabah telah selesai pemberian dos berjumlah 533,293 dos dengan pecahan dos pertama sebanyak 373,608 dos manakala bagi pemberian dos kedua sebanyak 159,685 dos.

Walau bagaimanapun, kapasiti pelaksanaan vaksinasi Sabah akan dipertingkatkan melalui lebih banyak program jangkauan luar (*outreach*) bagi mencapai sasaran vaksinasi yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.